

Terma dan Syarat bagi Cabutan Bertuah Bonanza ke-12 (1 Februari 2023 - 30 April 2023)

1) Kelayakan Penyertaan:

a) Peraduan Cabutan Bertuah Bonanza ini terbuka kepada semua pelanggan yang berumur 18 tahun ke atas.

b) Pemborong, kakitangan TCE Tackles dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik termasuk pasangan mereka) tidak layak menyertai peraduan ini. (TCE Tackles Sdn. Bhd. dikenali sebagai “Penganjur”)

2) Hadiah dan Butiran Cabutan Bertuah:

a) **Tempoh peraduan bermula pada 1 Februari 2023 sehingga 30 April 2023.**

b) Sejumlah empat ratus empat puluh (440) orang pemenang bagi setiap cabutan bulanan. Bagi cabutan terakhir, hadiah utama mega mempunyai satu (1) orang pemenang, sepuluh(10) orang pemenang bagi hadiah mega manakala, hadiah tempat kedua mempunyai sepuluh (10) orang pemenang.

c) Hadiah cabutan bertuah bernilai sehingga RM 308,000 untuk dimenangi pada 3 bulan cabutan dan cabutan terakhir.

d) Jumlah keseluruhan untuk cabutan bulanan (3 bulan) adalah seperti berikut:-

Cabutan bertuah bulanan : Februari, Mac, April	
Jumlah hadiah bagi 3 bulan bernilai RM 273,000	
Hadiah Bulanan	Pemenang Bulanan
TCE Tackles Baucar Tunai RM 500	30 pemenang
TCE Tackles Baucar Tuna RM 300	100 pemenang
TCE Tackles Baucar Tuna RM 200	150 pemenang
TCE Tackles Baucar Tuna RM 100	160 pemenang

e) Jumlah keseluruhan untuk cabutan terakhir adalah seperti berikut:-

Cabutan Bertuah Terakhir		
Jumlah hadiah bernilai RM 35,000		
Haidah Utama Mega	TCE Tackles Baucar Tunai RM 5,000	1 pemenang
Hadiah Mega	TCE Tackles Baucar Tunai RM 2,000	10 pemenang
Hadiah Tempat kedua	TCE Tackles Baucar Tunai RM 1,000	10 pemenang

f) Pemenang bulanan dan semua penyertaan sepanjang tempoh peraduan ini akan layak secara automatik ke pusingan akhir peraduan.

Cabutan Bertuah	Tempoh Cabutan Bertuah	Tarikh Pengumuman Pemenang
Pusingan Pertama (Februari)	1 st Feb - 28 th Feb 2023	Mac 2023
Pusingan Kedua (Mac)	1 st Mac - 31 th Mac 2023	April 2023
Pusingan Ketiga (April) + (Pusingan Terakhir)	1 st Apr - 30 th Apr 2023	Mei 2023

3) Penyerahan Penyertaan:

a) Pembelian **RM 50 ke atas dalam satu resit** adalah layak untuk menyertai peraduan Cabutan Bertuah Bonanza ke-12 di **cawangan TCE Tackles seluruh Malaysia**.

b) Setiap **pembelian minimum RM 50** (dalam satu resit) layak untuk **satu(1) penyertaan**. **Pembelian yang bernilai tinggi** bermakna **lebih penyertaan** diberikan.

c) Peserta diminta untuk memberi butiran peribadi kepada kakitangan cawangan seperti berikut:

- Nama penuh
- Nombor telefon
- 6-digit terakhir nombor kad pengenalan
- Alamat e-mel

d) Peserta perlu **memastikan segala butiran yang diberikan adalah tepat**. Semua maklumat penyertaan adalah sulit. Butiran yang tidak lengkap, tidak tepat, akan dibatalkan kelayakan.

e) Pihak penganjur berhak mengikut budi bicara untuk membatalkan mana-mana penyertaan yang disyaki menipu/ menggodam/ mengganggu proses penyerahan peraduan atau melanggar mana-mana terma dan syarat penyertaan.

4) Pemilihan Pemenang dan Penebusan Hadiah:

a) Pemenang akan dipilih melalui cabutan rawak daripada jumlah kumpulan penyertaan yang akan dijalankan oleh penganjur. Pihak Penganjur berhak untuk menukar, menyemak, melambatkan tarikh cabutan tanpa sebarang notis.

b) Senarai nama pemenang akan diumumkan di Facebook dan laman sesawang TCE Tackles. Pemenang akan dimaklumkan melalui butiran peribadi yang diberikan. Semua hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan akan terbatal tanpa sebarang notis. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab.

c) Pemenang hendaklah mengemukakan bukti identiti semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan. Satu-satunya bukti yang diterima oleh penganjur adalah kad pengenalan (IC). Kegagalan untuk memberikan sebarang bukti identiti, akan membolehkan penganjur untuk membatalkan kelayakan pemenang.

d) Hadiah tidak boleh dikembalikan, tidak boleh ditukar, tidak boleh ditebus dengan wang tunai, dan tidak boleh dipindah milik.

e) Semua keputusan yang dilakukan oleh Penganjur berhubung dengan Cabutan Bertuah ini termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai pendek, pemilihan pemenang dan pembatalan hadiah adalah muktamad dan konklusif. Sebarang pertanyaan, rayuan selanjutnya tidak akan dilayan.

5) Hak-hak Penganjur:

- a) Dengan menyertai peraduan ini, semua peserta bersetuju dan mengakui bahawa pihak penganjur mempunyai hak untuk menggunakan nama pemenang untuk tujuan publisiti, pengiklanan tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan. Setiap pemenang tidak berhak membuat sebarang tuntutan ke atas penggunaan penyertaan tersebut oleh pihak penganjur.
- b) Pihak penganjur berhak meminda, mengubah atau membatalkan sebarang syarat yang dinyatakan di atas tanpa pemberitahuan awal.
- c) Syarat dan Peraturan peraduan disediakan dalam Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara dua (2) versi tersebut, **versi Bahasa Inggeris akan dipakai guna.**

6) Notis Privasi

- a) Dengan menyertai Cabutan Bertuah ini, peserta bersetuju untuk memberikan maklumat dan Penganjur berhak untuk menyiarkan, mengguna nama dan/atau gambar pemenang serta penyertaan peserta untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa pampasan atau notis. Setiap peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan bagi penggunaan penyertaan peserta oleh Penganjur.
- b) Pelanggan mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat e-mel dengan memberikan nama dan alamat e-mel Pelanggan kepada Penganjur untuk mengeluarkan Data Peribadi tersebut.
- c) Pelanggan mempunyai hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
- d) Dengan menyertai Cabutan Bertuah Bonanza ke-12 ini, peserta dianggap faham dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat peraduan.